

Rujukan Kami : TNB/PER (SBM) 1/3/3

Tarikh : 7 Mei 2021

Semua Pembekal dan Kontraktor Utama TNB

Y.Bhg. Dato' / Datuk / Tuan / Puan,

**PEMAKLUMAN BERHUBUNG KEPERLUAN *BUSINESS CONTINUITY PLAN* (BCP)
DI DALAM DOKUMEN TENDER TNB**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Tenaga Nasional Berhad (TNB) mempunyai Pelan Kesenambungan Perniagaan (BCP) sebagai persediaan di dalam menilai, mengenalpasti dan langkah kawalan sekiranya berlaku krisis yang boleh mengakibatkan gangguan (*disruption*) dalam operasi bisnes TNB. Ini bagi memastikan TNB sentiasa bersedia dan dapat memberi bekalan elektrik yang berdaya harap kepada rakyat dan negara dalam apa jua situasi yang berlaku.

3. Di dalam hal ini, TNB memerlukan sokongan daripada syarikat-syarikat pembekal dan kontraktor di dalam memastikan kesinambungan bisnes supaya TNB dapat terus memberikan khidmat yang terbaik kepada rakyat dan negara. Ini penting bagi memastikan terdapat kerjasama di antara TNB dan syarikat-syarikat vendor sebagai persediaan sekiranya berlaku sebarang krisis.

4. Oleh yang demikian, TNB akan memasukkan klausa keperluan BCP di dalam tender-tender utama TNB mulai 1 Julai 2021. Setiap syarikat pembekal dan kontraktor dikehendaki memajukan bersama BCP syarikat masing-masing di dalam dokumen tender. TNB akan menyediakan templat BCP di dalam dokumen tender untuk tindakan Y.Bhg. Dato' / Datuk / Tuan / Puan.

Sekian, terima kasih.

"BETTER. BRIGHTER."



Amir Mahmud bin Abdullah
Ketua Pegawai Perolehan
Tenaga Nasional Berhad

s.k Chief Risk Officer, TNB – untuk makluman.

Head (Hub Function),
Bahagian Procurement & Supply Chain, TNB
– Sila pastikan klausa keperluan BCP ini dimasukkan di dalam tender-tender utama TNB.